

1980

SHAH ALAM, 27 NOV. (BERNAMA) — TIMBALAN PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD, BERKATA USAHA PATUT DIPERHEBATKAN LAGI UNTUK MEMPERKUKUHKAN PASARAN PELANCUNGAN TEMPATAN DALAM TAHUN 80'AN BAGI MEMBANTU PELANCUNGAN ANTARABANGSA.

BELIAU MENEGASKAN SAMBIL MENGADAKAN USAHA PENGGALAKAN YANG AGGRESIF DI KAWASAN-KAWASAN PASARAN TRADISIONAL MALAYSIA SEPerti JERMAN BARAT, UNITED KINGDOM, AMERIKA SYARIKAT, AUSTRALIA DAN JEPUN SERTA PASARAN BARU SEPerti ASIA BARAT, SEPANYOL, ITALI DAN AMERIKA SELATAN, PERHATIAN JUGA HARUS DITUMPUKAN KEPADA USAHA-USAHA PENGGALAKAN DI KAWASAN PASARAN YANG BERDEKATAN.

KATANYA, AGAK SUKAR UNTUK MENCERMINKAN ATAU MEMBAYANGKAN PERGOLAKAN INDUSTRI PELANCUNGAN DI DALAM TAHUN 80'AN KERANA ADA BANYAK FAKTOR YANG HARUS DIAMBILKIRA UNTUK MENENTUKAN ARAH PEMBANGUNANNYA YANG MERUPAKAN FAKTOR-FAKTOR POLITIK DAN EKONOMI.

BERUCAP MERASMIKAN SEMINAR MENGENAI CABARAN-CABARAN INDUSTRI HOTEL/RESTORAN DAN PELANCUNGAN DALAM TAHUN 80'AN DI INSTITUT TEKNOLOGI MARA DI SINI HARI INI, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA PERTIMBANGAN YANG SERIUS PERLU DIBERI KEPADA KEMUNGKINAN KENAIKAN TAMBANG PENERBANGAN.

OLEH KERANA PENERBANGAN UDARA MEMAINKAN PERANAN PENTING DALAM PEMBANGUNAN INDUSTRI PELANCUNGAN, HARGA TAMBANG YANG KIAN MENINGKAT AKAN MEMBAWA KEPADA KEADAAN YANG BURUK KEPADA POLA-POLA PERJALANAN PELANCUNG-PELANCUNG DARI LUAR NEGERI, KATANYA. — BERSAMBUNG 1440/SZ

TIMBALAN PERDANA MENTERI BERKATA SUDAH TENTULAH PERJALANAN KEPADA DESTINASI-DESTINASI YANG JAUH AKAN MEROSOT KERANA PARA PELANCUNG AKAN MENUMPU PERHATIAN KE KAWASAN-KAWASAN YANG BERHAMPIRAN DENGAN TEMPAT TINGGAL MEREKA.

+MALAYSIA, DARI SEGI PELANCUNGAN ANTARABANGSA, MERUPAKAN SATU DESTINASI YANG JAUH, + UJARNYA.

+HAKIKAT INI HARUS DITERIMA OLEH KITA SEMUA DAN KITA PATUT MEMBUAT PERSEDIAAN SELARAS DENGAN KEADAAN DEMIKIAN. +

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA LANGKAH MENUMPUKAN PERHATIAN KEPADA USAHA-USAHA PENGGALAKAN DI KAWASAN-KAWASAN PASARAN YANG BERDEKATAN TERNYATA LAGI MENAFAAT KERANA TARAF HIDUP DAN EKONOMI NEGARA-NEGARA JIRAN KIAN MENINGKAT.

+KITA TERPAKSA MEMBERI LEBIH LAGI PERHATIAN DAN MINAT UNTUK MEMPERKENALKAN DESTINASI-DESTINASI DALAM NEGARA INI KEPADA PENDUDUK SERANTAU DAN MUNGKIN JUGA KITA TERPAKSA MENYEDIAKAN KEMUDAHAN-KEMUDAHAN UNTUK MEMENUHI KEHENDAK PARA PELAN-  
CUNG DARI RANTAU YANG BERDEKATAN, + KATANYA. — BERSAMBUNG 1445/SZ

B532

MAHATHIR-MAHAR 3 SHAH ALAM

161

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA SATU LANGKAH YANG MUNGKIN SESUAI DIAMBIL IALAH BAGI MALAYSIA BEKERJA RAPAT DENGAN LAIN-LAIN NEGARA ANGGOTA ASEAN KERANA DENGAN CARA DEMIKIAN PERKHIDMATAN YANG LEBIH SESUAI DAPAT DIBERIKAN KEPADA PARA PENGEMBARA DAN PELANCUNG DARI EROPAH, AUSTRALIA, AMERIKA DAN JEPUN.

MENGENAI PASARAN TEMPATAN, BELIAU BERKATA DENGAN PENINGKATAN KADAR PERTUMBUHAN EKONOMI SEKARANG DAN JIKA KEADAAN INI BERPANJANGAN KE TAHUN 80'AN, SUDAH PASTI RAMAI LAGI PENDUDUK NEGARA INI YANG AKAN MENGANGGOTAI KUMPULAN PASARAN YANG MEMPUNYAI PENDAPATAN YANG BERLEBIHAN DAN BOLEH MENANDINGI PELANCUNG-PELANCUNG DARI LUAR NEGERI.

+JIKA KITA BERUSAHA DENGAN GIGIH UNTUK MEMBANYAKKAN LAGI SUMBER SUMBER PASARAN PELANCUNGAN TEMPATAN DAN JIKA KITA BERJAYA UNTUK MEWUJUDKAN KEINGINAN UNTUK MENGEMBARA DI KALANGAN ORANG-ORANG MALAYSIA, SEKURANG-KURANGNYA KITA MEMPUNYAI ASAS PASARAN YANG KUKUH UNTUK MENJAMIN PENUBUHAN INDUSTRI PELANCUNGAN DI NEGARA INI, + KATANYA.

BELIAU BERKATA PEMBANGUNAN DESTINASI-DESTINASI BARU PERLU DIPERCEPATKAN KERANA INI SELARAS DENGAN TUJUAN KERAJAAN UNTUK MENYEBARKAN MENAFAAT DARI INDUSTRI PELANCUNGAN DI KAWASAN-KAWASAN YANG KURANG MAJU. — BERSAMBUNG 1448/SZ

B533

MAHATHIR-MAHAR 4 SHAH ALAM

+SAMBIL ITU KITA AKAN TERUS BERGIAT UNTUK TERUS MEMPERELOKKAN SERTA MEMPERKUKUHKAN DESTINASI-DESTINASI YANG SEDIA ADA KERANA IANYA MERUPAKAN PENYAMBUNG SERTA TAPAK UNTUK MEWUJUDKAN DESTINASI-DESTINASI BARU, + TAMBAHNYA.

DALAM USAHA MERANCANG PEMBANGUNAN PELANCUNGAN DI KAWASAN-KAWASAN YANG KURANG MAJU ATAU PUN KAWASAN-KAWASAN YANG BELUM PERNAH MELALUI PROSES PERMODENAN, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA PERANCANGANNYA MESTILAH TELITI BAGI MENGELAK DARI TIMBULNYA MASALAH-MASALAH YANG SERING MUNCUL APABILA PEMBANGUNAN DILAKSANAKAN. INI TERMASUK FAKTOR-FAKTOR YANG BOLEH MENGWUJUDKAN TINDAKAN BALAS

YANG NEGATIF DAN APABILA PERLU, MENGAWAL JANGKA TUMBUH PEMBANGUNAN INDUSTRI TERSEBUT.

HANYA DENGAN CARA DEMIKIAN NEGARA AKAN DAPAT MEMASTIKAN BAHAWA INDUSTRI PELANCUNGAN MEMBANGUN DALAM KEADAAN YANG SIHAT.

MEMURUTNYA, DENGAN MEMAHAMI HAKIKAT INI DAN UNTUK MENYEDIAKAN SERTA MENGALAKKAN PEMBANGUNAN PELANCUNGAN YANG SEIMBANG SERTA SIHAT, KERAJAAN MELALUI PERBADANAN KEMAJUAN PELANCUNGAN (TDC) TELAH MEMBIAYAI BEBERAPA KAJIAN KEMUNGKINAN DAN PELAN INDUK PELANCUNGAN DI KAWASAN-KAWASAN YANG MEMPUNYAI POTENSI UNTUK DIBANGUNKAN SEBAGAI PUSAT PELANCUNGAN. — BERSAMBUNG 1452/SZ

B534

MAHATHIR-MAHAR 5 KUALA LUMPUR

KAJIAN INI AKAN MENJADI ASAS KEPADA PERTUMBUHAN INDUSTRI PELANCUNGAN NEGARA DI MASA DEPAN, TAMBAHNYA.

MENGENAI KEKURANGAN TENAGA MAHIR DI KEBANYAKAN SEKTOR PELANCUNGAN TIMBALAN PERDANA MENTERI BERKATA UNTUK MENGWUJUDKAN KUMPULAN TENAGA MAHIR YANG MENCUKUPI MEMERLUKAN KERJASAMA RAPAT ANTARA PIHAK-PIHAK AWAM DAN SWASTA.

KATANYA, KEPERLUAN TENAGA MAHIR DIJANGKA MENINGKAT PADA TAHUN-TAHUN AKAN DATANG.

TERDAHULU DARI ITU, PRESIDEN PERSATUAN HOTEL DAN RESTORAN MALAYSIA (MAHAR), ENCIK AZMAN HARUN, BERKATA PERANAN KERAJAAN DALAM USAHA PEMBANGUNAN PERINDUSTRIAN HOTEL DAN PELANCUNGAN HENDAKLAH DIBERI SECARA SOKONGAN MORAL DAN FISIKAL.

SEBARANG UNDANG-UNDANG YANG AKAN MENGAWAL KEGIATAN PERUSAHAAN INI MESTILAH BERDASARKAN KEPADA KEHENDAK DAN KEPERLUAN PEMBANGUNAN, TAMBAHNYA.

BELIAU MENCADANGKAN SUPAYA JUMLAH PENGELUARAN LESEN-LESEN HOTEL HENDAKLAH DIKAWAL AGAR PEMBAHAGIANNYA DAPAT DIKENDALIKAN DENGAN ADIL. — BERSAMBUNG 1455/SZ

B535

MAHATHIR-MAHAR 6 SHAH ALAM

PENGARAH ITM, NIK ABDUL RASHID BIN NIK ABDUL MAJID PULA BERKATA ITM AKAN DAPAT MENAMPUNG SEKURANG-KURANGNYA SEPARUH DARI TEMPAT LATIHAN DI BIDANG PENGURUSAN HOTEL.

BILANGAN PENGAMBILAN PELAJAR DIJANGKA BERTAMBAH DARI 110 ORANG SETAHUN PADA TAHUN DEPAN KEPADA 190 ORANG SETAHUN DALAM TAHUN 1985. INI BERMAKNA ITM AKAN MENGELUARKAN SERAMAI 710 GRADUAN IAITU KENAIKAN SEBANYAK 42 PERATUS DALAM KURSUS PENGURUSAN HOTEL DAN PENYEDIAAN MAKANAN DI BAWAH RANCANGAN MALAYSIA KEEMPAT.

SEMINAR SEHARI ITU DIANJURKAN BERSAMA OLEH ITM, PUSAT DAYA PENGELUARAN NEGARA DAN PERBADANAN KEMAJUAN PELANCUNGAN. — BERNAMA

162